

Dilancar demi masa depan bayi apabila dewasa kelak - Raja Perlis

Tabung simpanan bayi baharu dilahir

um / 25.07.14 / 24 / 1 / AIDS

ARAU 23 Julai - Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail malam tadi berkenan melancarkan Tabung Putra Petri Yayasan Tuanku Syed Putra yang memperuntukkan sumbangan RM1,000 untuk bayi yang dilahirkan oleh ibu kurang berkemampuan di negeri ini.


Menurut kenyataan Istana Arau hari ini tabung itu yang bermula tahun ini akan menyalurkan sumbangan tersebut ke dalam akaun Tabung Haji untuk yang beragama Islam dan Agro Bank bagi bukan Islam.

"Program ini bertujuan supaya bayi-bayi terbabit apabila dewasa kelak menjadikan simpanan tersebut sebagai asas dan dorongan untuk menabung dan merancang perbelanjaan demi masa depan mereka," demikian menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi simpanan tersebut hanya boleh dikeluarkan oleh anak berkenaan apabila mereka berusia 18 tahun ke atas.

Kenyataan itu juga menyebut tabung tersebut yang dilaksanakan dengan kerjasama pengasas Country Heights of Companies, Tan Sri Lee Kim Yew adalah bersempena nama bonda baginda Raja Perempuan Perlis iaitu Tengku Petri Sultan Ibrahim.

Menurut kenyataan itu Yayasan Tuanku Syed Putra juga berharap menerusi penubuhan tabung tersebut anak-anak Perlis akan lebih



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (enam, kanan) berkenan bergambar bersama wakil-wakil Program Simpanan Bayi Lahir Yayasan Tuanku Syed Putra pada Majlis iftar di Istana Arau, Perlis, semalam. Berangkat sama, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (lima, kiri) dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (Ilma, kanan). Turut hadir Azlan Man (dua, kiri).

-BERNAMA

mengenal institusi diraja sebagai tonggak pemerintahan negara.

Turut berangkat ke majlis pelancaran itu ialah Raja Perempuan Per-

lis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis,

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Per-

lis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Majlis turut dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man, anggota-

anggota Exco, Setiausaha Kerajaan Negeri Ramli Dai dan Lee.

Pada majlis itu Tuanku Syed Sirajuddin turut berkenan mengur-

niakan sumbangan kepada golongan tidak bernasib baik, anak yatim dan warga emas dari sekitar Arau.

-BERNAMA